

Jenis Akhbar : Bernama Online

Tarikh : 18/04/2020

Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Tajuk : **Syarikat, koperasi diminta tangguh mesyuarat tahunan, secara talian dibenarkan**
- Ismail Sabri

Syarikat, koperasi diminta tangguh mesyuarat tahunan, secara talian dibenarkan - Ismail Sabri



18/04/2020 03:22 PM

KUALA LUMPUR, 18 April -- Semua mesyuarat tahunan syarikat, koperasi, persatuan atau pertubuhan perlu ditangguhkan sehingga tarikh yang akan ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kata Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

“Semua syarikat, koperasi, persatuan serta pertubuhan perlu menangguhkan mesyuarat agung tahunan mereka sehingga tarikh yang ditetapkan dan dinasihatkan oleh KKM,” katanya.

Bagaimanapun, mesyuarat yang dijalankan secara dalam talian seperti persidangan video adalah dibenarkan, katanya dalam satu sidang akhbar, disini, hari ini.

Ismail Sabri berkata, langkah tersebut adalah untuk mengelakkan perhimpunan beramai-ramai bagi mengadakan mesyuarat ini.

Pengumuman beliau itu tepat pada masanya ketika syarikat-syarikat terutamanya syarikat senarai awam, koperasi dan persatuan akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) mereka pada bulan April, Mei dan Jun ini.

-- BERNAMA